

02/04/2000

Sidang perwakilan kecoh

SUNGAI PETANI: Persidangan perwakilan Umno bahagian Sungai Petani semalam kecoh apabila seorang ahli jawatankuasa bahagian cuba menyerang Ketuanya, Ibrahim Mustaffa.

Kejadian berlaku ketika persidangan memulakan pengundian calon untuk jawatan Naib Presiden Umno.

Ahli jawatankuasa terbabit, yang duduk di barisan hadapan bersama ahli jawatankuasa lain tiba-tiba bangun sambil menghayun tongkat topang (tongkat ketiak) ke arah Ibrahim tetapi tidak mengena sasaran.

Dia kemudian dilihat mengangkat kerusi dan cuba membalingnya ke arah Ibrahim tetapi dihalang beberapa perwakilan. Beberapa perwakilan lain juga cuba campurtangan tetapi dihalang oleh perwakilan lain.

Difahamkan kejadian berlaku kerana ahli jawatankuasa terbabit dan beberapa perwakilan tidak berpuas hati terhadap cara persidangan dijalankan.

Persidangan itu sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, masing-masing sebagai Presiden dan Timbalan Presiden umno. Bagi jawatan Naib Presiden, jawatankuasa bahagian mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Datuk Dr Rais Yatim bagi bertanding Naib Presiden Umno.

Perwakilan pula mencadangkan Tan Sri Mohd Isa Samad, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Selepas undian secara angkat tangan, Najib memperolehi 140 undi, Muhamamd Taib (89 undi), Syed Hamid (79 undi), Rais (63 undi), Mohd Isa (59 undi) dan Abu Hassan (17 undi).

(END)